

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI HASAN BIN  
MALEK [ KUALA PILAH ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Hasan bin Malek [ Kuala Pilah ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan berapa ramaikah bilangan mereka yang berumur  
dibawah 30 tahun yang tersenarai sebagai golongan yang muflis.**

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) menunjukkan bahawa 95,799 orang individu diisytiharkan bankrap sejak tahun 2012 sehingga bulan Ogos 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23,366 orang adalah golongan belia yang berumur di bawah 34 tahun.

Sekian. Terima kasih.